

# UMS akan berusaha jalin k-sama pelbagai agensi kerajaan, swasta

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan sentiasa berusaha menjalin kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan mahupun swasta di peringkat negeri, kebangsaan dan antara-bangsa.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS Prof.Madya Dr. Kasim Hj. Mansur berkata, kerjasama dan persefahaman seumpama itu amat bermakna kepada UMS sebagai sebuah institusi pengajian tinggi di negara ini.

"Usaha menandatangani memorandum persefahaman antara UMS dan Arkib Negeri Sabah (ANS) ini merupakan satu usaha murni dan tepat pada masanya apabila pihak kerajaan mula memberi perhatian penuh kepada sejarah sebagai antara elemen penting dalam merealisasikan Gagasan 1Malaysia.

"Kepentingan sejarah dalam mendasari pelbagai disiplin ilmu dan memberi pengajaran kepada manusia sememangnya tidak dapat dipertikaikan lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMS dan ANS, di Arkib Negeri, di sini, kelmarin.

Turut hadir Pengarah Arkib Negeri Sabah Datuk Tigabelas Datu Zainal Abidin; Timbalan Se-

tiausaha Kerajaan Negeri Datuk Gregory Joitol, Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Datuk Nasrun Datu Mansur, dekan-dekan UMS dan pegawai Arkib.

Kasim berkata, sehingga kini kerja-kerja penyelidikan, penulisan, pengumpulan fakta, pemuliharaan rekod dan pemuliharaan warisan sejarah di negeri ini masih belum terlaksana sepenuhnya.

"Oleh itu, adalah menjadi cabaran besar kepada Arkib Negeri Sabah dan UMS untuk memastikan rekod dan peninggalan sejarah di Sabah bukan setakat didokumentasikan dan dipulihara tetapi juga dihayati dan dipertahankan oleh semua lapisan masyarakat," katanya.

Beliau berkata, selain memperkayakan lagi penulisan, pengumpulan dan pemuliharaan rekod serta warisan sejarah di Sabah, usaha mentafsir dan menterjemah semula fakta sejarah lampau di Sabah juga perlu diberi perhatian agar ia berada di landasan yang benar.

Sehubungan itu beliau berharap MoU ini akan menjadi platform kepada para penyelidik dan pelajar UMS untuk bekerjasama dengan lebih rapat dengan Arkib Negeri Sabah pada masa hadapan untuk menjayakan sesuatu penyelidikan dan kajian. **-OLEH MARRYAN RAZAN (marryan@news-abahtimes.com.my)**